



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 11 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAHA 2024 PLATFORM EKSPLORASI POTENSI, INOVASI SEKTOR PERTANIAN, NASIONAL, SH -5 SAMBUTAN MAHA HARI INI, MUKA DEPAN, UM -1	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	8,000 NELAYAN MUDA RAYU LESEN BOT, DALAM NEGERI, UM -1 & 3 PASAR TERAPUNG TARIKAN DI MAHA 2024, DALAM NEGERI, UM -4	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	SEGERA LANGGAN PRODUK AGROBANK, BISNES, HM -23	AGROBANK
6. 7.	INOVASI SEKTOR BAJA, PERTANIAN MODEN NAFAS TAMPIL KELAINAN, NASIONAL, BH -18 MAHA 2024: NAFAS TAMPIL KELAINAN DENGAN INOVASI PRODUK PELADANG, NASIONAL, SH -7	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8. 9. 10. 11.	ANAK PERANTAU BALIK KAMPUNG MAJUKAN TANAH TERBIAR, NEGARA, KOSMO -18 PENGUNAAN TEKNOLOGI PERCEPAT PROSES TANAMAN PADI, DALAM NEGERI, UM -5 SEKTOR PERTANIAN BAKAL DIKUASAI WARGA ASING LIMA TAHUN LAGI, DALAM NEGERI, UM -30 SEKTOR PERTANIAN SERING DIANGGAP KOTOR, GAJI KECIL, DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAHA 2024 platform eksplorasi potensi, inovasi sektor pertanian

Enam tarikan baharu,
MAHA 2024 sedia
terima pengunjung

Oleh **DIANA AZIS**
SERDANG

Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang bakal berlangsung hari ini hingga 22 September bakal mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi pameran pertanian terulung dan tertua di Asia Tenggara yang melangkaui edisi ke-100.

Acara dwitahunan itu dijangka membawa hasil sebanyak RM6 bilion melalui nilai memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) yang akan dimeterai dalam pameran yang bakal berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, MAHA bersedia untuk menerima kedatangan pengunjung yang dijangka mencecah tiga juta apabila persiapan di tapak programnya hampir 100 peratus siap.

Menurutnya, terdapat lapan fokus utama dan enam tarikan baharu bakal diperkenalkan bersempena sambutan 100 tahun MAHA, sekali gus menjadikan edisi kali ini antara penganjuran paling berprestij dan bersejarah.

"MAHA 2024 bakal menjadi platform eksplorasi potensi dan inovasi bagi sektor pertanian yang bukan sahaja berteknologi tinggi, malah berdaya saing serta mampan dalam memacu ekonomi negara.

"Tapak pameran akan bersedia sepenuhnya dengan pelbagai program serta acara menarik yang bakal berlangsung sepanjang tempoh berkenaan," katanya kepada pemberita pada Program Lawatan Media MAHA 2024 di MAEPS, pada Isnin.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Arthur Joseph Kurup dan wakil kementerian.



Mohamad bersama Arthur meninjau persiapan akhir MAHA 2024 di MAEPS, Serdang.

Program bersama media itu merupakan sebahagian daripada aktiviti khas Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama media bagi meninjau persiapan akhir di tapak pameran selain mempromosikan MAHA 2024.

Penambahbaikan kemudahan, perkhidmatan pengangkutan

Sebagai sebuah jenama pameran pertanian terulung, pelbagai perkhidmatan dan kemudahan telah ditambah baik bagi memastikan perjalanan acara berlangsung dengan baik.

Menurut Mohamad, KPKM turut bekerjasama dengan operator pengangkutan awam supaya operasi Transit Aliran Massa (MRT) boleh dilanjutkan bagi memudahkan kedatangan pengunjung.

Ia berikutan tempoh masa bagi pameran itu dilanjutkan sehingga pukul 10 malam sepanjang 12 hari pameran berlangsung.

"Dengan publisiti yang hebat, aspek pengangkutan baik, kita yakin kehadiran pengunjung akan meningkat, ditambah tarikan lain seperti pertunjukan cahaya, pertunjukan air selain konsert daripada selebriti tanah air pada sebelah malam.

"Turut disediakan ruang glamping,

motorhome disamping 48 segmen menarik melibatkan aktiviti pameran serta jualan meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantai nilai agromakanan," jelasnya.

Pelbagai kemudahan turut disediakan antaranya laluan pejalan kaki berbumbung sejauh 1.1 kilometer (km) bagi memberi lebih keselesaan kepada orang ramai.

Turut disediakan bas perantara secara percuma di beberapa lokasi antaranya di stesen MRT UPM, Putrajaya Wetland dan IOI City Putrajaya.

Tarikan baharu sesuai semua lapisan masyarakat

Mengangkat tema *Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom*, MAHA 2024 bakal memperkenalkan beberapa tarikan baharu antaranya *Magical at Night and Water Show*, *Rhythm of Farmers*, *Agro Fit*, *Laman Bunga Matahari* dan *pasar terapung*.

Diinspirasi daripada pasar terapung yang terkenal di Pantai Timur, pelantar terapung disediakan sebagai laluan pengunjung untuk membeli makanan usahawan agro peancongan seperti Persatuan Nelayan dan Kumpulan Wanita Nelayan dari bot.

Selain itu segmen dalam dewan turut disediakan antaranya *Agro-Tech*, *Agro-Lifestyle*, *Agro-Tourism* dan *Agro-Youth* manakala pameran dan jualan melibatkan

INFO MAHA 2024



Tarikh:
11 September 2024 hingga
22 September 2024



Lokasi:
Taman Ekspo Pertanian
Malaysia (MAEPS)
Serdang, Selangor



Waktu:
10 pagi hingga 10 malam

Laman/ Segmen:

- Kingdom of Fruit
- Laman sayur
- Laman pasar terapung
- Laman perikatan
- Laman padi
- Laman nanas
- Laman mekanisasi
- Laman ternakan
- Laman florikultur
- Segmen kecerdasan buatan (AI), Internet of Thing (IoT)
- MAHA Go Global

Kemudahan lain:

- Tempat letak kereta di Pintu 1 (4,800 lot) dan Pintu 2 (1,500 lot)
- Bayaran kereta: RM5
- Shuttle bus percuma dari MRT UPM, Putrajaya Wetland dan IOI City Putrajaya
- Sewaan buggy
- Tandas dan surau
- Tempat makan
- Solat Jumaat di Dewan D2
- Perkhidmatan pengecasan telefon pintar MYCHARGE



Maklumat lanjut layari:
www.mahaofficial.my

Agro-Food Padi, Agro-Food Florikultur, Agro-Food Nanas, Agro-Food Sayuran dan Herba serta Agro-Food Ternakan.

Mengekalkan pavilion daripada negeri-negeri di seluruh negara, kali ini Wilayah Persekutuan buat julung kalinya menyertai MAHA disamping 13 pavilion negeri lain.

Pavilion negeri menampilkan ciri-ciri negeri di Malaysia termasuk keunikan kesenian budaya, pusat tarikan pelancongan, produk dan makanan yang boleh dinikmati oleh orang ramai.

MAHA di mata dunia

Meraikan 100 tahun penganjurannya, MAHA 2024 memberi penekanan kepada elemen yang mengangkat jenama itu ke peringkat antarabangsa dengan penglibatan serta penyertaan daripada pelbagai negara menerusi segmen *MAHA Go Global*.

Menerusi segmen berkenaan, KPKM mempromosikan *MAHA Go Global* kepada negara-negara luar untuk turut serta mempamerkan teknologi pertanian, memadan perniagaan bersama usahawan tempatan di samping membuka peluang potensi pelaburan kepada sektor agromakanan negara.



Mohamad dan Arthur tiba di stesen MRT UPM ketika lawatan bersama media ke tapak MAHA di Maeps, Serdang pada Isnin.



Peniaga celup tepung, Mohd Zaidi Yusof daripada Persatuan Nelayan Terengganu turut menyertai MAHA 2024.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



8,000 nelayan muda rayu lesen bot

Oleh HAFIZ SAIDINA
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 80 peratus daripada keseluruhan 10,000 nelayan tempatan atau 8,000 orang yang beroperasi di Zon A masih berge-lut mendapatkan lesen bot

menangkap ikan. Lebih membimbangkan ke-banyakan mereka adalah pe-lapis menggantikan individu dalam keluarga masing-ma-sing menjadi nelayan. Malah kehadiran nelayan muda dalam sektor perikanan sangat penting bagi memas-

tikan kelestarian sekuriti makanan negara terjaga dan tidak dimonopoli warga asing. Timbalan Pengerusi Per-satuan Pendidikan dan Keba-jakan Jaringan Nelayan Pan-tai Malaysia (Jaring), Mohd. Faizal Mohd. Zabri berkata, lesen yang membenarkan ne-

layan menangkap ikan telah lama dibekukan. “Hanya Jabatan Perikanan (DOF) mempunyai kuasa mengeluarkan lesen tersebut. Namun, untuk mendapatkan-nya sangat sukar.

Bersambung di muka 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

8,000 nelayan muda rayu lesen bot

Dari muka 1

“Ramai nelayan yang tidak berlesen ini adalah golongan muda, iaitu hampir 80 peratus daripada 10,000 nelayan yang beroperasi di Zon A. Terdapat juga nelayan yang menunggu sehingga mati tetapi tidak dapat lesen.

“Polis Marin dan pasukan penguat kuasa akan tangkap nelayan yang tidak berlesen, serta merampas bot sehingga menjejaskan sumber rezeki mereka,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Nelayan Zon A adalah dalam kumpulan yang menangkap

ikan dalam kawasan lima batu nautika dari pantai.

Terdahulu akhbar ini melaporkan, Malaysia berdepan kekangan tenaga buruh tempatan dalam industri perikanan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang kerana hampir 52 peratus atau 58,531 nelayan kini berusia 50 tahun dan ke atas.

Berdasarkan data diperolehi daripada DOF, jumlah nelayan di seluruh negara yang masih aktif menjalankan aktiviti menangkap ikan adalah sebanyak 112,344 orang.

Bagaimanapun, golongan nelayan berusia 50 tahun dan

ke atas akan keluar dari sektor itu dalam tempoh 10 hingga 20 tahun lagi manakala golongan muda kurang minat menjadi nelayan.

Pengerusi Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, sektor perikanan Malaysia kini dimonopoli golongan yang bakal meninggalkan bidang itu atas faktor usia secara berperingkat dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Justeru, kata beliau, penglibatan golongan belia sebagai nelayan moden sangat penting kepada sektor perikanan negara bagi memastikan kelestarian

sekuriti makanan di Malaysia terjaga.

Sehubungan itu, Mohd. Faizal meminta DOF mengeluarkan pas atau permit kepada nelayan pantai yang tidak berlesen.

“Secara automatik nelayan yang tidak mempunyai lesen akan berdaftar. Seterusnya kita tahu latar belakang dan umur nelayan tersebut. Ini membolehkan kita buar penilaian memang terdapat golongan belia akan ganti nelayan yang sedang menua.

“Kebanyakan nelayan ingin-kan permit tersebut jika mereka membekukan pemberian lesen kepada nelayan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3



PASAR Terapung antara tarikan baharu pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di MAEPS, Serdang. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Pasar terapung tarikan di MAHA 2024

SERDANG: Pameran Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 mencipta sejarah baharu sempena sambutan 100 tahun acara itu dengan mempersembahkan pelbagai inisiatif unik yang menonjolkan kekayaan budaya dan warisan nelayan Malaysia.

Bertemakan 'Menuai Harapan, Membina Masa Hadapan', pameran pertanian terbesar di Asia Tenggara itu berhasrat merintis masa depan pertanian yang lebih maju dan inovatif, seiring dengan usaha menjadikan sektor tersebut sebagai teras utama ekonomi negara.

Ketua Sekretariat MAHA 2024, Zurihanmi Zakariya berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui D'Laman LKIM akan menjadi pusat tujuan utama dengan memperkenalkan Pasar Terapung yang menampilkan pelbagai aktiviti dan hidangan yang menggamit kenangan serta menggugah selera pengunjung.

Menurutnya, D'Laman LKIM yang dikendalikan oleh LKIM membuka ruang kepada persatuan nelayan, Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA), dan ahli keluarga nelayan untuk memamerkan serta menjual hasil

keluaran mereka.

Malah seramai 10 pengusaha daripada pelbagai negeri akan menyertai Pasar Terapung ini, mempersembahkan citarasa dan tradisi unik yang melambangkan identiti negeri masing-masing.

"Ini termasuk makanan laut, minuman dan produk industri asas tani (IAT) yang sinonim dengan pelbagai negeri di Malaysia. Pengunjung di sini berpeluang menikmati hidangan-hidangan istimewa yang dibawa khas dari pelbagai pelosok negara."

"Antara hidangan yang pasti memikat pengunjung ada-

lah kari kepala ikan dari Pulau Pinang, lokan bakar keju dan ikan bekok dari Kelantan, serta makanan laut celup tepung dan ketupat sotong dari Terengganu," katanya ketika ditemui di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), di sini kelmarin.

Selain itu, Zurihanmi berkata, pengunjung juga berpeluang menyertai pelbagai aktiviti menarik di D'Laman LKIM termasuk demonstrasi masakan, kraftangan, tarian kebudayaan, pertandingan memancing, serta kuiz yang sesuai untuk seisi keluarga.



MENTERI Pertanian dan Kecekapan Makanan, Datuk Seri Muhiyad Sabu (tengah) merasmikan Kempen AgroMAHA dan Kad Takaful Kasih Plus Agrobank Edisi MAHA 2024.

Segera langgan produk Agrobank

Pelanggan berpeluang menang lebih 50 hadiah termasuk 12 motosikal bagi kempen eksklusif sepanjang MAHA 2024

Kuala Lumpur

Agrobank melancarkan kempen AgroMAHA 2024 yang menawarkan hadiah menarik kepada pelanggan. Kempen ini berlangsung dari 11 September hingga 10 Oktober 2024. Pelanggan Agrobank yang mendaftar sebagai ahli MAHA 2024 akan mendapat peluang untuk menang hadiah bernilai RM20,000 hingga RM50,000, termasuk 12 motosikal.

Kempen AgroMAHA menawarkan lebih 50 hadiah termasuk 12 motosikal sebagai hadiah utama dan gajet-gajet menarik seperti tablet, telefon bimbit, jam tangan pintar dan fon kepala tanpa wayar yang boleh dimenangi setiap hari.

Bagi menyertai kempen ini, pelanggan Agrobank hanya perlu mendaftar melalui aplikasi Agrobank atau mengunjungi gerai pendaftaran di seluruh negara.

Kad Takaful Kasih Plus Edisi MAHA 2024 yang diterbitkan oleh Agrobank menawarkan perlindungan kepada pelanggan. Produk ini memberikan perlindungan kepada pelanggan terhadap risiko kematian, penyakit berterminal, dan kecacatan kekal. Pelanggan juga akan mendapat manfaat dari skim insurans yang ditawarkan oleh Agrobank.

Dengan harga serendah RM54, pelanggan dapat menikmati perlindungan yang komprehensif. Produk ini juga menawarkan manfaat tambahan seperti insurans kebakaran, insurans pencurian, dan insurans bencana alam.

"Kami berharap kempen AgroMAHA 2024 ini dapat meningkatkan minat pelanggan terhadap produk Agrobank dan memberikan mereka peluang untuk menang hadiah menarik," kata Datuk Seri Muhiyad Sabu, Menteri Pertanian dan Kecekapan Makanan.

Selain itu, Agrobank turut menawarkan ganjaran istimewa kepada pelanggan yang mendaftar sebagai ahli MAHA 2024. Pelanggan akan mendapat RM20,000 untuk pendaftaran pertama dan RM50,000 untuk pendaftaran seterusnya.

Kempen AgroMAHA 2024 ini adalah sebahagian daripada usaha Agrobank untuk meningkatkan hubungan dengan pelanggan dan menawarkan produk yang lebih menarik.

Agrobank juga menawarkan kemudahan pembayaran melalui QR code dan aplikasi Agrobank. Pelanggan dapat menikmati kemudahan ini dengan mendaftar sebagai ahli MAHA 2024.

Agrobank berharap kempen AgroMAHA 2024 ini dapat meningkatkan minat pelanggan terhadap produk Agrobank dan memberikan mereka peluang untuk menang hadiah menarik.

11/9/2024

BERITA
HARIAN

NASIONAL

18

MAHA 2024

Inovasi sektor baja, pertanian moden NAFAS tampil kelainan

Pembabitan dalam pameran buktikan komitmen majukan sektor pertanian negara

Kuala Lumpur: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menampilkan kelayakan dengan inovasi dalam sektor baja, pertanian moden serta produk makanan semaju benua NAFAS Peladang sempena pengajutan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024, bermula hari ini.

Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Arriffin, berkata pembabitan NAFAS pada pengajutan MAHA edisi ke-100 itu akan menyajikan pelbagai aktiviti antaranya pameran, jualan produk dan inovasi terbalik seperti produk makanan dan baja

jenama Peladang, pelbagai input pertanian serta jentera pertanian. "Penglibatan NAFAS pada MAHA 2024 membuktikan komitmen dalam memajukan sektor pertanian negara sejajar dengan objektif keterjaminan makanan yang berterusan.

"Pameran ini turut memberi peluang kepada NAFAS untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam memperkenalkan penyelesaian pertanian yang lebih efektif dan lestari," katanya dalam kenyataannya, semalam.



Muhammad Faris

Sasar 3 juta pengunjung

Meraikan 100 tahun pengajutan dengan tema Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom, MAHA 2024 akan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, dekat si-

ni bermula hari ini hingga 22 September, pameran dijangka menarik lebih tiga juta pengunjung.

Sehubungan dengan itu, Muhammad Faris mengajak orang ramai untuk tidak melepaskan peluang singgah ke ruang NAFAS di segmen Agro Seed di Dewan A, MAHA Go Global (Hall C), Kingdom of Agrofood (Laman Ti-ba 1), Laman Padi, Laman Mekanisasi dan NAFAS Cube.

Beliau berkata, NAFAS turut membuka kaunter perkhidmatan Dana Peladang Kebangsaan di segmen Peladang Outlet di Dewan A.

"Orang ramai juga berpeluang menyertai pertandingan memasak di NAFAS Cube. Pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung di MAHA 2024 seperti jualan 'happy hour', uji rasa produk makanan jenama Peladang,



aktiviti santai dan permainan interaktif bersama pengunjung di segmen penglibatan NAFAS.

"Jangan lepaskan peluang anda, jom beramai-ramai kita ke MAHA 2024 dan melihat sendiri pelbagai aktiviti yang pastinya akan memberi pengalaman yang unik dalam pengajutan MAHA fashq.

pada kali ini. Jumpa anda di sana!" katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai penglibatan NAFAS di MAHA 2024, orang ramai boleh mengikut platform media sosial rasmi NAFAS di Facebook, Instagram, X, Threads, dan TikTok - @nafas. BERNAMA

MAHA 2024: NAFAS tampil kelainan dengan inovasi produk PELADANG

SHAH ALAM - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2024) yang merupakan acara dwitahunan yang akan berlangsung bermula Rabu hingga 22 September 2024 di MAEPS, Serdang.

Pengurus Besarinya, Muhammad Faris Arriffin berkata, penglibatan NAFAS pada MAHA 2024 membuktikan komitmen dalam memajukan sektor pertanian negara sejajar dengan objektif keterjaminan makanan yang berterusan.



MUHAMMAD FARIS



"Pameran ini turut memberi peluang kepada NAFAS untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam memperkenalkan penyelesaian pertanian yang lebih efektif dan lestari," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, pada pengajuran edisi ke 100 ini, NAFAS akan membawakan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran, jualan produk dan inovasi terbaik, termasuk produk makanan jenama Peladang, baja Peladang, pelbagai input pertanian dan jentera pertanian.

Beliau berkata, orang ramai juga berpeluang menyertai pertandingan memancing di NAFAS Cube.

"Pengunjung juga akan dapat menikmati hidangan di kafe yang disediakan di NAFAS Cube,

"Jangan lepaskan peluang untuk singgah ke reruai NAFAS yang akan berada di segmen *Agro Seed di Dewan A: MAHA Go Global (Hall C); Kingdom of Agrofood (Laman Tiba 1)*, Laman Padi, Laman Mekanisasi dan NAFAS Cube," kata Muhammad Faris.

Beliau berkata, NAFAS turut membuka kaunter perkhidmatan Dana Peladang Kebangsaan di segmen Peladang Outlet - Dewan A, MAEPS, Serdang.

Menurut Muhammad Faris, sepanjang pengajuran MAHA 2024, NAFAS juga menampilkan kelainan dengan inovasi dalam sektor baja, pertanian moden dan produk makanan sejuk beku jenama Peladang.

"NAFAS juga akan memperkenalkan pelbagai produk baja berkualiti dan demon demonstrasi proses pembuatan baja," katanya.

Beliau berkata, orang ramai juga berpeluang menyertai pertandingan memancing di NAFAS Cube.

"Pengunjung juga akan dapat menikmati hidangan di kafe yang disediakan di NAFAS Cube,



Orang ramai dijemput ke reruai NAFAS sepanjang MAHA 2024 yang diadakan di MAEPS, Serdang.

menjadikannya lokasi yang sempurna untuk berehat dan bersantai sepanjang pameran," katanya.

Beliau berkata, pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung di MAHA 2024, seperti jualan *happy hour* dengan uji rasa produk makanan jenama Peladang dan juga aktiviti-aktiviti santai serta permainan interaktif bersama pengunjung di segmen-segmen penglibatan NAFAS.

"Jangan lepaskan peluang anda, jom beramai-ramai kita ke MAHA 2024 dan melihat sendiri pelbagai lagi aktiviti yang pastinya akan memberi pengalaman unik dalam pengajuran MAHA pada kali ini. Jumpa anda di sana!

Meraikan 100 tahun pengajuran dengan tema *Harvesting Tomorrow*

Where Dreams Blossom, MAHA 2024 dijangka bakal menarik lebih tiga juta pengunjung sepanjang 12 hari ia berlangsung.

Media sebelum ini melaporkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, beliau berharap pameran itu akan menjadi platform kepada orang ramai khususnya anak muda, untuk meneroka potensi dan inovasi sektor pertanian, sekali gus memacu daya saing dalam membangunkan ekonomi.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai penglibatan NAFAS di MAHA 2024, orang ramai boleh mengikuti platform media sosial rasmi NAFAS di Facebook, Instagram, X, Threads, dan Tiktok - @nafashq.

Anak perantau balik kampung majukan tanah terbiar

KUALA KANGSAR – Seorang anak perantau mengusahakan pertanian moden di kawasan tanah terbiar dan rumah usang di Kampung Bendang Kering di sini selepas pulang ke kampung setelah berdekad bekerja di ibu negara.

Menurut Shahrul Rosdi Yosof, 48, apabila melihat ada tanah terbiar, dia terus mendapatkan pemilik tanah tersebut untuk mencadangkan perusahaan pertanian.

Katanya, atas dorongan rakan-rakan serta pengalaman, dirinya cuba mendapatkan pelbagai bantuan kewangan dan teknikal menerusi Parlimen Kuala Kangsar.

"Projek yang dimulakan sejak awal tahun ini di sebuah rumah terbiar telah berjaya membuahkan hasil melalui tuaian pertama pada Julai lalu dengan tanaman sawi dan pak choy," katanya.

Menurutnya, pihak yang menguruskan program Matlamat

Pembangunan Mampan (SDG) berpuas hati dengan perkembangan projek pertanian itu selepas memberi bantuan kewangan.

Katanya, pelaburan yang dikeluarkan mencecah sehingga RM40,000 untuk menyiapkan jentera, sistem pengairan dan rumah tanaman.

"Saya bersama rakan akan terus meneroka tanah yang ada untuk diusahakan termasuklah sebagai aset pertanian atau pelancongan," ujarnya.



SHAHRUL ROSDI menunjukkan tanamannya di Kampung Bendang Kering, Kuala Kangsar baru-baru ini.

Penggunaan teknologi percepat proses tanaman padi

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Kaedah konvensional menabur benih dan baja serta menyemur racun mungkin mengambil masa kira-kira 20 minit untuk dihabiskan seorang pesawah di bendang seluas 0.29 hektar atau satu relung, selain memerlukan tenaga kerja yang ramai.

Namun, seiring peredaran zaman dan pengenalan peralatan atau teknologi yang semakin canggih, penggunaan dron dalam pertanian khususnya diakui banyak menjimatkan masa dan kos mengusahakan sawah padi ketika ini.

Penggunaan teknologi itu juga antara faktor yang mampu menarik minat golongan muda seperti Mohd. Adib Hasanain Ahmad, 30, untuk kekal bergelar petani walaupun segelintir rakan sebayanya lebih berminat menceburi pekerjaan 'makan gaji'.

Meneruskan legasi yang ditinggalkan arwah bapanya, Mohd. Adib Hasanain kini antara pesawah semula jadi yang boleh dibanggakan apabila memiliki kira-kira 19 hektar sawah padi termasuk yang dipajak kepadanya di Kampung Hujung, Telok Kechai, di sini.

"Terdapat banyak cabaran untuk menguruskan sawah padi, tetapi ianya berbaloi apabila kita dapat melihat sendiri hasil kerja keras kita selain turut berbangga kerana dapat meningkatkan hasil tuai atau produktiviti."

"Zaman pun sudah berubah, kita tidak lagi menggunakan kaedah tradisional untuk menanam padi. Macam saya telah mengaplikasikan penggunaan dron untuk menabur baja dan benih yang dahulunya mengambil terlalu lama masa untuk dilengkapkan proses itu," katanya kepada Utusan Malaysia.

Ujarnya, bagi kerja-kerja menabur benih atau baja secara konvensional, upah mencecah RM30 seorang bagi setiap 0.29 hektar sawah padi atau menghampiri RM100 untuk keluasan satu hektar.

Berbanding dron, Mohd. Adib Hasanain yang merupakan anak lelaki tunggal mewarisi 14 hektar sawah padi peninggalan arwah bapanya berkata, kosnya hanya sekitar RM20 untuk keluasan 0.29 hektar atau tidak sampai RM70 bagi setiap hektar sawah yang diusahakan petani.

Justeru, tidak hairan apabila dia dapat membuktikan pengurusan



MOHD. Adib Hasanain Ahmad (kanan) memeriksa dron pertanian sebelum menerbangkannya untuk pembajaan di sawah miliknya di Telok Kechai, Jalan Kuala Kedah. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

yang betul disulami minat dan kesungguhannya dalam bidang ini membolehkan dia menambah satu hektar sawah yang dibeli dengan harga RM300,000 hasil titik peluhnya sendiri, tahun lepas.

"Malah, saya juga menguruskan empat hektar sawah yang dipajak orang kampung untuk diusahakan berbanding tanah itu akan terbiar sekiranya tidak diusahakan. Tetapi kesemua itu banyak dilakukan dengan bantuan teknologi dron," katanya.

Tambahnya, kerja-kerja menabur baja dengan menggunakan dron menjadi lebih sekatu kerana teknologi canggih itu berupaya memeta terlebih dahulu kedudukan sawah sebelum input pertanian tersebut ditabur.

Kini, dia memiliki dua unit dron sendiri yang setiap satunya berharga RM50,000 boleh digunakan untuk ketiga-tiga kerja iaitu menabur baja dan benih serta menyemur racun. Mohd. Adib Hasanain juga menyewakan peralatan itu untuk kegunaan pesawah lain bersama jentera pembajak miliknya.

Sementara itu, meskipun pendapatan sebagai pesawah tidak menentu kerana bergantung kepada faktor cuaca dan hal-hal sampingan, bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Laksamana itu berkata, keluasan sawah sepertinya mampu memberi pulangan kasar sehingga RM140,000 semusim.

"Sebenarnya pada masa dahulu pendapatan daripada hasil sawah tidaklah banyak,

tetapi masih mencukupi untuk menyara keluarga dan ramai orang bergantung kepada pekerjaan ini untuk mencari rezeki.

"Cabaran utama kami sekarang adalah kos input yang tinggi terutamanya harga diesel. Ini adalah antara input penting untuk penanaman padi selain baja. Pada masa sama, kos belian padi tidak berubah yang mana kos input meningkat, tetapi pendapatan kami tidak meningkat."

"Ini secara langsung mengurangkan margin

keuntungan, seterusnya menjejaskan pendapatan kami pada musim tertentu. Contohnya kemarau baru-baru ini, pengairan ke sawah terjejas yang turut mengganggu pertumbuhan padi dan pengeluaran hasil," ujarnya.

Kedua itu katanya, sudah tentu memberi kesan juga kepada petani muda yang turut terkesan dengan faktor-faktor ini kerana ia mampu menjadi salah satu sebab mereka tidak berminat untuk terus menjadi pesawah," ujarnya.

Menyentuh soal sokongan

atau bantuan yang diterima, ujar Mohd. Adib Hasanain, tanpa penglibatan agensi-agensi kerajaan atau organisasi, dia mungkin akan berdepan kesukaran walaupun sudah 'terjebak' dengan sawah sejak bersekolah.

"Kakitangan BERNAS sering berkunjung ke sawah untuk melakukan rutin pemantauan dan berkongsi nasihat untuk meningkatkan hasil. Penyediaan mesin dan peralatan canggih daripada organisasi itu kepada para petani juga meningkatkan kecekapan penanaman padi."

"BERNAS juga membantu menguruskan Skim Subsidi Harga Padi di samping sokongan kewangan melalui subsidi oleh kerajaan dan subsidi input pertanian daripada agensi lain."

"Tanpa bantuan agak susah untuk pesawah termasuk saya membuat kerja sebab memerlukan modal tinggi."

"Kami berharap kerajaan dapat membantu terutama dari segi menyelesaikan isu pengairan dan juga harga jualan padi yang lebih tinggi," katanya.

Sementara itu, pendedahan terhadap teknologi dan bantuan bantuan terlibat antara yang boleh diperolehi orang ramai yang berkunjung ke Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 pada 11 hingga 22 September ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di samping pelbagai aktiviti berkaitan komuniti petani yang menjadi tunjang utama negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

70 peratus petani di Malaysia berusia atas 60 tahun, kurang 5 peratus golongan muda

Sektor pertanian bakal dikuasai warga asing lima tahun lagi

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Hampir 40 peratus pekerja dalam sektor pertanian di Malaysia ketika ini dimonopoli tenaga kerja warga asing berikutan golongan muda tidak berminat mengusahakan bidang berkenaan.

Peratusan tersebut direkodkan pada tahun 2023 dan jika trend tersebut berterusan dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, sektor itu dijangka dikuasai sepenuhnya oleh tenaga kerja warga asing.

Ketika ini, golongan yang terlibat dalam sektor pertanian di negara ini adalah tenaga kerja yang 70 peratus melibatkan petani berusia lebih 60 tahun.

Golongan muda yang terlibat dalam sektor itu pula tidak sampai lima peratus daripada jumlah keseluruhan individu di bawah usia belia.

Bagi sektor penternakan, sekitar 15 peratus sahaja usahawan golongan muda khususnya yang terlibat dalam penternakan ayam, lembu, dan kambing.

Dalam sektor perikanan pula khususnya melibatkan nelayan sekitar 10 peratus sahaja golongan muda terlibat dengan bidang itu.



ASHAARI Daud, 79, masih melakukan kerja-kerja pertanian dengan mengusahakan tanaman betik di Kampung Felda Chuping, Padang Besar, Perlis. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Pensyarah Kanan (Keusahawanan) Jabatan Perniagaan, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK) Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Dr. Atikah Nor Johari berkata, ketiadaan pelapis dalam sektor pertanian dilihat ketara dengan majoriti petani adalah golongan beru-

mur.

Katanya, senario tersebut dapat dilihat pada tahun 2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memerlukan lebih 186,000 tenaga kerja warga asing dalam sektor pertanian di seluruh negara.

Katanya, hal demikian me-

nyaksikan kerajaan perlu atau terpaksa bergantung kepada tenaga kerja warga asing bagi memastikan sektor pertanian dapat beroperasi dengan lancar.

"Apabila situasi ini berlaku, sudah pasti ruang pekerjaan dalam sektor pertanian akan dibanjiri oleh warga asing,

Persepsi dan sikap golongan muda yang negatif terhadap bidang penanaman, penternakan dan perikanan secara berterusan akan membuka peluang kepada warga asing untuk bekerja dalam sektor ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, Atikah Nor berkata, kesan jangka panjang kepada negara jika golongan muda tidak lagi berminat dengan sektor pertanian terutamanya dalam bidang pekerjaan seperti penanaman, penternakan dan perikanan boleh dilihat daripada tiga aspek iaitu kesan sosial, ekonomi dan kelestarian alam.

Katanya, dalam konteks kesan sosial dijangka berlaku kemerosotan komuniti luar bandar iaitu menyebabkan populasi kawasan luar bandar semakin mengecil kerana ramai yang berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan lain yang dianggap lebih baik.

"Kedua, akan berlaku ketiadaan generasi pelapis yang diperlukan untuk meneruskan dan mengembangkan usaha pertanian dan kesan kepada konteks ekonomi pula berkemungkinan berlaku kebergantungan tinggi kepada produk import untuk memenuhi keperluan penduduk," ujarnya.

Sektor pertanian sering dianggap kotor, gaji kecil

ARAU: Antara faktor golongan muda kurang berminat untuk menceburi sektor pertanian khususnya membabitkan kerja-kerja dalam bidang penanaman, penternakan dan perikanan adalah berpunca daripada persepsi mereka yang memandang rendah terhadap sektor itu.

Pekerjaan di dalam bidang tersebut dianggap tidak glamor, kotor, imej tradisional yang kurang menarik, memerlukan tenaga fizikal yang tinggi, berdepan risiko besar seperti cuaca buruk dan serangan penyakit selain menawarkan pendapatan tidak tetap dan kurang lumayan.

Pensyarah Kanan (Keusahawanan) Jabatan Perniagaan, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK) Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Dr. Atikah Nor Johari berkata, sebagai con-



ATIKAH NOR JOHARI

toh, persepsi terhadap bidang penanaman, penternakan dan perikanan itu sering dikaitkan dengan pekerjaan yang sukar di bawah panas matahari selain rumit yang memerlukan pengetahuan rapi khususnya tanaman.

Katanya, semua itu dilihat

sebagai antara faktor yang menjauhkan golongan muda daripada memilih kerjaya dalam bidang berkaitan.

"Akibat daripada persepsi negatif sedemikian, maka akan terbentuklah sikap kurang minat atau acuh tidak acuh untuk menceburi bidang penanaman, penternakan dan perikanan. Golongan muda ini lebih cenderung untuk bekerja dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan yang lebih prestij dan berpendapatan lumayan.

"Jadi, semakin sedikit golongan muda berminat untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian, ia berpotensi menyebabkan kemerosotan tenaga kerja muda dalam sektor berkenaan dan seterusnya menjejaskan pembangunan serta kelestarian industri pertanian negara.

"Sikap ini juga boleh menghalang inovasi dan pembaharuan dalam bidang pertanian, kerana golongan muda sering membawa idea baharu dan teknologi terkini yang boleh memajukan sektor berkenaan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambahnya, terdapat beberapa faktor luaran yang turut menjadi punca golongan muda kurang berminat untuk menceburi bidang penanaman, penternakan dan perikanan.

Katanya, kurangnya insentif dan sokongan kerajaan seperti subsidi, pinjaman mudah lulus dan program latihan khusus untuk 'agropreneurship' secara tidak langsung menghalang golongan muda daripada memulakan usaha dalam bidang-bidang berkenaan.

"Kedua, akses kepada tanah dan sumber daya sering men-

jadi cabaran kerana harga tanah yang tinggi dan peraturan yang ketat, menyukarkan golongan muda untuk mendapatkan tanah yang diperlukan bagi memulakan perniagaan pertanian.

"Ketiga, kekurangan infrastruktur yang memadai seperti kemudahan penyimpanan, pengangkutan dan teknologi moden mengurangkan kecekapan dan daya saing sektor pertanian menjadikannya kurang menarik bagi golongan muda yang lebih tertarik kepada penggunaan teknologi terkini.

"Ketidakstabilan pasaran dan risiko ekonomi berkaitan dengan sektor pertanian, termasuk fluktuasi harga produk serta perubahan iklim juga menambah ketidakpastian yang membuatkan golongan muda enggan terlibat dalam bidang-bidang berkaitan," katanya.